NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

**Jil. 64** **22 Oktober 2020** **No. 22**

**No. 792.**

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

## FATWA MENGENAI ZAKAT *AL-MAL AL-MUSTAFAD*

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil.2/2019 telah membincangkan Fatwa Mengenai Zakat *Al-Mal Al-Mustafad*. Fatwanya adalah seperti berikut:

i. *Al-Mal al-Mustafad* adalah apa-apa pendapatan atau harta yang dimiliki dengan cara upah, ganjaran, pemberian, pindahan dan lain-lain pendapatan yang bukan berpunca daripada pulangan simpanan, pelaburan atau aktiviti jual-beli.

ii. Pengiraan zakat *al-Mal al-Mustafad* hendaklah mengambil kira keseluruhan pendapatan seseorang adalah seperti berikut:

| PERKARA | | CARA KIRAAN | KADAR (%) |
|---|---|---|---|
| a. | Wang Pampasan Pemberhentian Sukarela (VRS) | Serta merta | 2.5 |
| b. | Gratuti | Serta merta | 2.5 |
| c. | Wang Insuran Nyawa yang Tamat Tempoh Matang | Serta merta daripada jumlah caruman pencarum sahaja jika cukup nisab.<br><br>Jika tidak cukup nisab, dicampur dengan *Mal al-Mustafad* yang lain. | 2.5 |
| d. | Wang Pampasan Pengambilan Tanah | Serta merta | 2.5 |
| e. | Pembiayaan Semula Rumah | Serta merta | 2.5 |
| f. | Wang Hasil Jualan Harta | Serta merta daripada jumlah harga jualan jika tiada hutang. Jika ada hutang, 2.5% daripada jumlah selepas ditolak hutang berkaitan harta tersebut dan lain-lain hutang yang telah sampai tempoh bayaran. | 2.5 |
| g. | Wang Harta Pusaka | Sekiranya mencukupi nisab, maka dikenakan serta merta.<br><br>Jika tidak mencukupi nisab dan pewaris mempunyai harta lain yang juga tidak cukup nisab, maka hendaklah dicampurkan keduanya dan apabila mencukupi nisab, bermulalah *haul* baru.<br><br>Sekiranya tidak mencukupi nisab tetapi pewaris ada wang lain yang cukup nisab, maka hendaklah dicampur keduanya dengan *haul* dikira pada harta asal. | 2.5<br><br>2.5<br><br>2.5 |
| h. | Wang Ganjaran Tamat Kontrak Perkhidmatan (17 ½ %) | Dikenakan serta merta atas semua jumlah wang yang diterima. | 2.5 |
| i. | Takaful Keluarga | Dikenakan serta merta ke atas semua jumlah wang yang diperolehi. | 2.5 |
| j. | Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) | Wang Caruman KWSP yang dikeluarkan diwajibkan zakat serta merta (*Mal al-Mustafad*). Sekiranya tidak patuh Syariah dikenakan zakat wang pokok sahaja. | 2.5 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| k. | Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) | Wang Caruman LTAT yang dikeluarkan diwajibkan zakat serta merta (*Mal al-Mustafad*). | 2.5 |
| l. | Saman Malu dan Seumpamanya / Bayaran Pencerobohan Tanah | Dikenakan serta merta ke atas semua jumlah wang yang diperolehi. | 2.5 |

Bertarikh 28 September 2020.
[JMNPP/(S)/19/1101/002 KLT.2 ( ); PUNPP 325/100/1/2/EA/1 Jld.8]

DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR
*Mufti*
*Kerajaan Negeri Pulau Pinang*

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF PENANG) ENACTMENT 2004

*FATWA* UNDER SECTION 48

In exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [*Enactment 2*], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the *Fatwa* Committee for the State of Penang, makes the *fatwa* as set out in the Schedule.

SCHEDULE

*FATWA MENGENAI ZAKAT AL-MAL AL-MUSTAFAD*

*Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil.2/2019 telah membincangkan Fatwa Mengenai Zakat Al-Mal Al-Mustafad. Fatwanya adalah seperti berikut:*

i. *Al-Mal al-Mustafad adalah apa-apa pendapatan atau harta yang dimiliki dengan cara upah, ganjaran, pemberian, pindahan dan lain-lain pendapatan yang bukan berpunca daripada pulangan simpanan, pelaburan atau aktiviti jual-beli.*

ii. *Pengiraan zakat al-Mal al-Mustafad hendaklah mengambil kira keseluruhan pendapatan seseorang adalah seperti berikut:*

| *PERKARA* | | *CARA KIRAAN* | *KADAR (%)* |
|---|---|---|---|
| *a.* | *Wang Pampasan Pemberhentian Sukarela (VRS)* | *Serta merta* | *2.5* |
| *b.* | *Gratuti* | *Serta merta* | *2.5* |
| *c.* | *Wang Insuran Nyawa yang Tamat Tempoh Matang* | *Serta merta daripada jumlah caruman pencarum sahaja jika cukup nisab.*<br><br>*Jika tidak cukup nisab, dicampur dengan Mal al-Mustafad yang lain.* | *2.5* |
| *d.* | *Wang Pampasan Pengambilan Tanah* | *Serta merta* | *2.5* |
| *e.* | *Pembiayaan Semula Rumah* | *Serta merta* | *2.5* |
| *f.* | *Wang Hasil Jualan Harta* | *Serta merta daripada jumlah harga jualan jika tiada hutang. Jika ada hutang, 2.5% daripada jumlah selepas ditolak hutang berkaitan harta tersebut dan lain-lain hutang yang telah sampai* | *2.5* |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | *tempoh bayaran.* | |
| *g.* | *Wang Harta Pusaka* | *Sekiranya mencukupi nisab, maka dikenakan serta merta.*<br><br>*Jika tidak mencukupi nisab dan pewaris mempunyai harta lain yang juga tidak cukup nisab, maka hendaklah dicampurkan keduanya dan apabila mencukupi nisab, bermulalah haul baru.*<br><br>*Sekiranya tidak mencukupi nisab tetapi pewaris ada wang lain yang cukup nisab, maka hendaklah dicampur keduanya dengan haul dikira pada harta asal.* | *2.5*<br><br>*2.5*<br><br>*2.5* |
| *h.* | *Wang Ganjaran Tamat Kontrak Perkhidmatan (17 ½ %)* | *Dikenakan serta merta atas semua jumlah wang yang diterima.* | *2.5* |
| *i.* | *Takaful Keluarga* | *Dikenakan serta merta ke atas semua jumlah wang yang diperolehi.* | *2.5* |
| *j.* | *Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)* | *Wang Caruman KWSP yang dikeluarkan diwajibkan zakat serta merta (Mal al-Mustafad). Sekiranya tidak patuh syariah dikenakan zakat wang pokok sahaja.* | *2.5* |
| *k.* | *Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)* | *Wang Caruman LTAT yang dikeluarkan diwajibkan zakat serta merta (Mal al-Mustafad).* | *2.5* |
| *l.* | *Saman Malu dan Seumpamanya / Bayaran Pencerobohan Tanah* | *Dikenakan serta merta ke atas semua jumlah wang yang diperolehi.* | *2.5* |

*Dated 28 September 2020.*
[JMNPP/(S)/19/1101/002 KLT.2 ( ); PUNPP 325/100/1/2/EA/1 Jld.8]

DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR
*Mufti*
*State Government of Penang*

اينكمن ڤنتدبيرن اڬام اسلام
(نڬري ڤولاو ڤينڠ) 2004

فتوى دباوه سيکشن 48

ڤد منجالنكن كواس يڠ دبريكن اوليه سيکشن 48 اينكمن ڤنتدبيرن اڬام اسلام (نڬري ڤولاو ڤينڠ)2004 [*اينكمن 2*]، اتس ڤركنن يڠ دڤرتوان اڬوڠ، جاوتنكواس فتوى نڬري ڤولاو ڤينڠ، ممبوات فتوى سباڬايمان يڠ دڤاتاكن دالم جدوال.

جدوال

فتوى مڠناءي زكاة المال المستفاد

مشوارت خاص جاوتنكواس فتوى نڬري ڤولاو ڤينڠ بيلاڠن 2019/2 تله ممبينچڠكن فتوى مڠناءي زكاة المال المستفاد. فتواڽ اداله سڤرتي بريكوت:

i. المال المستفاد اداله اڤا-اڤا ڤنداڤتن اتو هرتا يڠ دميليقي دڠن چارا اوڤه، ڬنجران، ڤمبرين، ڤينداهن دان لاءين-لاءين ڤنداڤتن يڠ بوكن بر ڤونچا درڤد ڤولڠن سيمڤنن، ڤلابورن اتو اكتيۏيتي جوال-بلي.

ii. ڤڠيراءن زكاة المال المستفاد هندقله مڠمبيل كيرا كسلوروهن ڤنداڤتن سسأورڠ اداله سڤرتي بريكوت:

| | ڤركارا | چارا كيراءن | قدر % |
|---|---|---|---|
| a. | واڠ ڤمڤسن ڤمبرهنتين سوك ريلا (VRS) | سرتا مرتا | 2.5 |
| b. | ڬراتويتي (Gratuti) | سرتا مرتا | 2.5 |
| c. | واڠ اينسورنس ڤاوا يڠ تمت تيمڤوه ماتڠ | سرتا مرتا درڤد جومله چارومن ڤنچاروم سهاج جيك چوكوڤ نصاب.<br>جيك تيدق چكوڤ نصاب، دچمڤور دڠن المال المستفاد يڠ لاءين. | 2.5 |
| d. | واڠ ڤمڤسن ڤڠمبيلن تانه | سرتا مرتا | 2.5 |
| e. | ڤمبياياءن سمولا رومه | سرتا مرتا | 2.5 |
| f. | واڠ حاصيل جوالن هرتا | سرتا مرتا درڤد جومله هرڬ جوالن جيك تياد هوتڠ.<br>جيك ادا هوتڠ، 2.5 % درڤد جومله سلڤس دتولق هوتڠ بركاءيتن هرتا ترسبوت دان لاءين-لاءين هوتڠ يڠ تله سمڤاي تيمڤوه بايرن. | 2.5 |
| g. | واڠ هرتا ڤوساک | سكيراڽ منچوكوڤي نصاب، مک دكناكن سرتا مرتا.<br>جيک تيدق منچوكوڤي نصاب دان ڤواريث ممڤوڽاءي هرتا لاءين يڠ جوڬ تيدق چوكوڤ نصاب، مك هندقله دچمڤوركن كدواڽ دان اڤابيلا منچوكوڤي نصاب، برمولاله حول بارو.<br>سكيراڽ تيدق منچوكوڤي نصاب تتاڤي ڤواريث اد واڠ لاءين يڠ چوكوڤ نصاب، مک هندقله دچمڤور | 2.5<br><br>2.5 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | كدواڽ دڠن حول دكيرا ڤد هرتا اصل. | 2.5 |
| h. | واڠ ݢنجرن تمت كونتركـ ڤرخدمتن (17 ½ %) | دكناكن سرتا مرتا اتس سموا جوملـه واڠ يڠ دتريما. | 2.5 |
| i. | تكافل كلواركـ | دكناكن سرتا مرتا كأتس سموا جوملـه واڠ يڠ دڤراوليهي. | 2.5 |
| j. | كومڤولن واڠ سيمڤنن ڤكرجا (KWSP) | واڠ چارومنKWSP يڠ دكلواركن دواجبكن زكاة سرتا مرتا (مال المستفاد).<br>سكيراڽ تيدق ڤاتوه شرعيه دكناكن زكاة واڠ ڤوكوق سهاج. | 2.5 |
| k. | لمباݢ تابوڠ اڠكتن تنترا(LTAT) | واڠ چارومنLTAT يڠ دكلواركن دواجبكن زكاة سرتا مرتا (مال المستفاد). | 2.5 |
| l. | سامن مالو دان سأومڤاماڽ/بايرن ڤنچروبوهن تانه | دكناكن سرتا مرتا كأتس سموا جوملـه واڠ يڠ دڤراوليهي. | 2.5 |

برتاريخ 28 September 2020
[JMNPP/(S)/19/1101/002 KLT.2(   ); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld.8]

داتوء سري دكتور وان سالم بن وان محمد نور
مفتي
*كراجاءن نݢري ڤولاو ڤينڠ*